

26/12/1998

Hanya 250 bas pasang kotak hitam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Hanya lima peratus atau 250 daripada kira-kira 5,000 bas ekspres dan persiaran di seluruh negara dilengkapi kotak hitam setakat ini, sedangkan tarikh penguatkuasaan peraturan pemasangan alat itu cuma tinggal seminggu lagi iaitu pada 1 Januari ini.

Alat mencatat kelajuan itu berharga RM1,000 seunit dan dibekalkan VSM Technology Sdn Bhd - anak syarikat Delcom Services (M) Sdn Bhd.

Naib Presiden Kanan Delcom Services, Kamarul Baharin Abd Hamid, berkata pihaknya sudah lama memberi notis dan jadual pemasangan kotak hitam itu, tetapi sambutan pengusaha bas kurang menggalakkan.

"Bagaimanapun, kami akan terus memasang peralatan itu apabila mendapat persetujuan pengusaha bas," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Pemasangan kotak hitam itu dipersetujui pada mesyuarat di antara Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pengusaha dan persatuan bas ekspres serta pesiaran Mac lalu, sebagai satu cara mengurangkan kecelakaan jalan raya.

Berikutan itu, kerajaan menetapkan 1 September lalu sebagai tarikh penguatkuasaan peraturan pemasangan kotak hitam.

Ogos lalu, kerajaan membuat keputusan melanjutkan tarikh penguatkuasaan peraturan itu kepada 1 Januari depan selepas mengambil kira rayuan pengusaha bas.

Bagaimanapun, minggu lalu Persatuan Pengusaha Bas Pan Malaysia meminta kerajaan menangguhkan lagi tarikh penguatkuasaan peraturan itu.

Presiden persatuan itu, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah juga meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan supaya menangguhkan pelaksanaan peraturan itu.

Keputusan meminta Perdana Menteri campur tangan dalam isu itu dicapai dalam mesyuarat jawatankuasa persatuan berkenaan.

(END)